



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	MASA UNTUK TINGKATKAN HASIL PADI NEGARA, SUARA, SH-18 PEMBELIAN BERAS TEMPATAN DIHADKAN KEPADA 100KG SAHAJA, NASIONAL, SH-12 BERAS GANU SUDAH ADA PENSIJILAN MYGAP, NASIONAL, SH-12 TIADA PENUKARAN!, LOKAL HM-22 PENGILANG TUKAR BERAS KAMPIT PUNCA BEKALAN BERAS TEMPATAN KURANG?, DLM NEGERI, UM-5 GUSAR HARGA BERAS IMPORT NAIK, BERAS TEMPATAN KURANG, DLM NEGERI, UM-5 SUKARNYA CARI BERAS TEMPATAN DI JOHOR BAHRU-PENGGUNA, DLM NEGERI, UM-5 90% BERAS IMPORT KUASAI PASARAN, BERAS TEMPATAN SEKADAR ISI RAK, DLM NEGERI, UM-4 BERAS SUPER TEMPATAN LICIN, DLM NEGERI, UM-4 HANYA ADA BERAS TEMPATAN 5 KILOGRAM, DLM NEGERI, UM-4 PENGILANG DIARAH SERAH 20% PADI KEPADA BERNAS, MUKA HADAPAN, UM PENGILANG DIARAH SERAH 20% PADI KEPADA BERNAS, DLM NEGERI, UM-2 PENGUSAHA KEDAI MAKAN MUNGKIN NAIKKAN HARGA, NASIONAL, BH-5 'BERI BUKTI JIKA BUNGKUSAN BERAS DITUKAR', NASIONAL, BH-5 OPS JAMIN TAK KESAN KEGIATAN SEPERTI DIDAKWA, NASIONAL, BH-5 'CHECKS SHOW THERE IS ENOUGH SUPPLY OF RICE IN SEREMBAN', NATION, THE STAR-6 RESTRICTION ON SALE OF LOCAL WHITE RICE, NATION, THE STAR-5 SHORTAGE OF LOCAL RICE DUE TO DISEASE AND LACK OF CLEAN WATER, NATION, THE STAR-5 'LOCAL RICE SELLING FAST BUT THERE'S ADEQUATE SUPPLY FOR NOW', NATION, THE STAR-5 ADDRESSING RICE-ING CONCERN, THE STAR-1 100KG CAP ON LOCAL WHITE RICE PURCHASE EFFECTIVE TODAY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
22.	JABATAN PERIKANAN JIMAT RM6.7 JUTA GUNA PANEL SOLAR, DLM NEGERI, UM-35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
23. 24. 25. 26. 27. 28. 29.	BERAS EHSAN 5KG PKPS DIJUAL RM10, NASIONAL, SH-12 BAKAL ADA JENAMA BERAS SENDIRI, NASIONAL, SH-12 BERAS SERI MENANTI ATASI KRISIS KEKURANGAN BEKALAN, LOKAL HM-22 IMPORT PRODUK MAKANAN 2022 BERNILAI RM75.6 BILION, EKONOMI, UM-36 TANAH PERTANIAN: NEGERI PERLU SELARAS DENGAN PUSAT, DLM NEGERI, UM-33 JIKA 6 TAN SEHEKTAR, TIDAK PERLU LAGI IMPORT BERAS, RENCANA, UM-16 PM TEKAN ISU KETERJAMINAN MAKANAN PADA SIDANG ASEAN, DLM NEGERI, UM-3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	SINAR HARIAN	SUARA	18

Masa untuk tingkatan hasil padi negara

KENAIKAN harga beras import ketika ini seperti yang dilaporkan menyebabkan permintaan terhadap beras tempatan meningkat.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan di beberapa negeri mendapati bekalan tersebut sukar didapati di pasaran dan pengguna mula mengeluh.

Namun, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu pada Selasa menjangkakan bekalan beras putih tempatan (BPT) akan pulih dalam tempoh sebulan susulan langkah intervensi yang dilaksanakan kerajaan ketika ini.

Ia selepas langkah intervensi melalui Program Khas BPT akan meningkatkan lebih 20 peratus kuota pengeluaran beras di pasaran di seluruh negara.

Beliau turut memberi jaminan berterusan akan dilakukan melalui kolaborasi bersepadu dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Op Jamin.

Apa yang diharapkan bekalan beras Super Special Tempatan (SST) 10 kilogram (kg) akan mencukupi bagi bekalan rakyat selain harganya kekal sama seperti semasa iaitu RM26.

Begitu juga dengan penguatkuasaan dijalankan di harap dapat membanteras pengilang yang didakwa menukar label beras tempatan kepada kimpit beras import demi mengejar keuntungan.

Ber cerita tentang penanaman padi di negara ini sebenarnya hasil padi merosot sehingga lebih 300,000 tan metrik dalam tempoh enam tahun sejak tahun 2015 di seluruh negara.

Mungkin sudah tiba masanya Malaysia terus meningkatkan pengeluaran padi dan memanfaatkan sebaik mungkin tanah pertanian agar kebergantungan kepada negara luar dapat dikurangkan.

Mohamad Sabu juga optimis usaha penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun dapat dilaksanakan pesawah di negara ini, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pengeluaran beras negara.

Dalam hal ini, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) perlu berperanan memberi tunjuk ajar kepada pesawah.

Bagaimanapun beberapa aspek dalam industri penanaman padi perlu dinaik taraf terlebih dahulu seperti punca bekalan air dan benih berkualiti.

Selain itu isu baja dan racun juga perlu menjadi agenda utama pihak berkepentingan untuk diselesaikan.

Dalam masa yang sama, perlu ada satu gerakan untuk menggalakkan lebih ramai generasi muda turut serta dalam industri ini kerana tidak ramai berminat kerana faktor bekerja di tengah panas selain pendapatan tidak menentu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Pembelian beras tempatan dihadkan kepada 100kg sahaja

SERDANG - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menetapkan had pembelian maksimum 100kg beras putih tempatan (BPT) bagi setiap individu berkuat kuasa serta-merta.

Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, langkah itu dibuat bagi menstabilkan bekalan tersebut.

"Kita dapati ada peniaga membeli beras putih dalam satu masa (sehingga) 500-700kg.

"(Jadi) sebab itu, kita buat sekatan (hadkan) bermula hari ini (Khamis) dengan benarkan (beli) 10 beg beras (100kg) sahaja," katanya ketika sidang akhbar selepas Sesi Dialog Belanjawan 2024 Sub Sektor Padi dan Beras Negara di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), di sini pada Khamis.

Sementara itu, ditanya tempoh bagi



AZMAN

MOHAMAD

had pembelian tersebut, Azman menjelaskan ia akan dibuat sehingga bekalan kembali stabil.

"(Kita akan laksana) sampai sehingga keadaan kembali reda," katanya.

Sementara itu, Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga beras putih tempatan terkawal dan mencukupi meskipun negara berdepan kenaikan

harga bekalan makanan tersebut.

Jelasnya, harga bagi beras putih tempatan kekal RM26 sekampit atau RM2.60 setiap kg.

"Insya-ALLAH beras tempatan terkawal dan mencukupi," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, isu subsidi dan pengairan kurang sempurna menjadi perkara utama dibangkitkan peserta sesi dialog di sini.

Menurut Mohamad, isu tersebut menjadi kekangan peserta terutama pesawah dalam menaikkan hasil padi masing-masing.

"Mereka menyebut, kalau hendak naikkan hasil padi, maka pengairan mestilah sempurna.

"Kerajaan melalui ke-

menterian juga kena kawal terutama harga racun, baja dan sebagainya bagi mengeluarkan hasil yang lebih baik kelak," kata beliau.

Jelasnya, segala isu yang dibangkitkan akan diteliti sebelum dijadikan inti pati cadangan belanjawan kementerian.

Kata Mohamad, KPKM akan memastikan setiap isu atau permasalahan dibangkitkan akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Belanjawan 2024 dijangka dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Oktober ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Beras Ganu sudah ada pensijilan MyGAP

450 tan metrik
dipasarkan setiap
musim

KUALA TERENGGANU

Terengganu merupakan negeri pertama mengeluarkan beras sendiri dengan mempunyai Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia, MyGAP menerusi jenama Beras Ganu.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, pihaknya mengeluarkan sebanyak

450 tan metrik beras jenama itu bagi setiap musim untuk berada dalam pasaran di Terengganu.

"Beras Ganu ini sudah dikeluarkan pada April tahun lepas. Kita keluarkan 450 tan metrik beras pada setiap musim menuai yang berlaku dua kali setahun iaitu pada April dan Oktober.

"Disebabkan isu yang timbul ketika ini iaitu kekurangan beras, kita terus bekerja keras bagi meningkatkan pengeluaran beras negeri bagi memenuhi permintaan sumber makanan ruji oleh penduduk di negeri ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Azman berkata, antara lang-



FOTO: FACEBOOK DR AZMAN IBRAHIM

Azman meninjau proses membuat beras di Kampung Telaga Papan.

TERENGGANU

kah yang dilakukan kerajaan Terengganu memecahkan monopoli kartel beras apabila sawah padi di negeri ini dimiliki Melayu Islam sebanyak 100 peratus.

"Daripada 12,000 hektar keluasan, sejumlah 500 hektar merupakan sawah padi yang mempunyai pensijilan MyGAP.

"Padi MyGAP yang dituai dan diproses di Kilang Padi Konsortium Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Baruh Masin Jabi milik Melayu Islam," jelasnya.

Dalam pada itu, Azman berkata, beras MyGAP dengan jenama Beras Ganu dibungkus oleh Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri.

Katanya, pembungkusan itu dilakukan di Kilang Pembungkusan Beras TADC di Kampung Telaga Papan, Setiu.

"Beras Ganu diedarkan di Pasaraya Ameen Hallmart di Kampung Losong, Kuala Terengganu yang merupakan sebuah pasar raya milik Melayu Islam.

"Jadi kita alu-alukan orang ramai untuk membeli Beras Ganu.

"Ia satu-satunya jenama beras 100 peratus tempatan dalam negara yang mempunyai pensijilan MyGAP yang diuji selamat dari segi kualiti dan biosekuriti," jelasnya.

Selain itu, Azman juga merancang untuk mengedarkan beras tempatan keluaran Terengganu ke negeri lain bagi memenuhi keperluan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	22

Tiada penukaran!

Isu tukar kampil beras tempatan kepada beras import tak berlaku

Mohammad Khairil
Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Serdang

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menegaskan penukaran kampil beras tempatan kepada beras import tidak berlaku seperti didakwa sesetengah pihak.

Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Datuk Azman Mahmood berkata, ia hasil daripada 900 pemeriksaan dijalankan pihaknya di bawah Op Jamin yang dibuat secara berkala.

"Tidak ada (penukaran seperti) yang didakwa ber-

laku. Cuma ada kekurangan beras putih, kita dapati ada peniaga-peniaga yang membeli beras putih pada sesuatu masa 500 hingga 700 kampil.

"Sebab itu kita

buat sekatan (pembelian beras putih tempatan) bermula pada hari ini mengikut Peraturan 10 (1b) setiap orang hanya boleh membeli 10 kampil beg (beras) 10 kilogram (kg) atau 100 kg," katanya selepas Sesi Dialog Belanjawan 2024 KPKM Bersama Pemain Industri Di Bawah Subsektor Padi dan Beras di sini semalam.

Turut serta dalam sidang

media, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Sebelum ini, terdapat pihak yang mendakwa segelintir pemborong beras cuba memanipulasi harga kawalan yang ditetapkan kerajaan dengan menukar kampil beras tempatan kepada kampil beras import.

Taktik itu dipercayai dilakukan kerana harga beras import tidak dikawal kerajaan, sebaliknya hanya diapungkan, manakala harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 untuk beg 10 kg.

Mengulas lanjut, Azman

berkata, sekatan pembelian beras putih itu dibuat sehingga keadaan reda.

Beliau dalam masa sama memaklumkan pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi daripada orang ramai mengenai penukaran kampil beras itu.

"Walaupun (segelintir dakwaan) yang dibuat di TikTok, tetapi dia tidak membuat aduan rasmi kilang mana dan lokasi mana yang berlaku.

"Patutnya dia kena jelaskan kilang dan perseorangan mana yang terlibat," katanya.

Beliau turut menyatakan bahawa pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang membuat dakwaan itu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Pengilang tukar kampit punca bekalan beras tempatan kurang?

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@utusanmalaysia.com.my

PETALING JAYA: Kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran didakwa berlaku antaranya kerana tindakan segelintir pengilang yang cuba memanipulasi harga dengan menukar kampit beras tempatan kepada import.

Tindakan itu didakwa dilakukan susulan peningkatan harga semasa beras dunia sekali gus membolehkan golongan tersebut mengaut keuntungan berlipat ganda memandangkan harga beras import tidak dikawal kerajaan sebaliknya hanya dipungut sahaja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Musonnef Md. Radzi berkata, pihaknya percaya tindakan itu ada kaitan dengan isu kekurangan beras SST di pas-

aran sedangkan 65 peratus beras di negara adalah hasil tempatan manakala yang diimport hanya sekitar 35 peratus.

Katanya, perkara itu berlaku disebabkan lonjakan harga jualan padi basah daripada RM1,200 kepada RM1,700 setiap tan pada peringkat pengilang, manakala kos pemborong meningkat kepada RM3,200 bagi kuantiti sama.

Dimaklumkan, pada bulan Ogos harga satu tan padi yang dibeli oleh pengilang daripada pesawah mencecah RM1,850 tidak termasuk kos pengilangan.

"Apabila ditambah dengan kos pengilangan harga memproses padi basah kepada beras putih adalah sekitar RM2,700 satu tan atau RM2.70 bagi setiap kilogram sedangkan harga SST di pasaran tidak boleh melebihi RM2.60 sekilogram.

"Lonjakan harga terus berlaku

apabila ia dihantar kepada pemborong sebelum tiba kepada peruncit. Berdasarkan kos semasa di peringkat pemborong mungkin harganya sudah mencecah RM3.20 sekilogram atau RM32 bagi beras 10 kilogram," katanya.

Pada masa sama, Musonnef berkata, tindakan tersebut mengakibatkan pengilang kecil terpaksa menanggung kerugian besar.

Bagaimanapun, katanya, program intervensi kerajaan dengan mengambil 20 peratus daripada hasil beras putih daripada kilang melalui Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dijangka dapat memulihkan semula bekalan SST di pasaran.

Katanya, apabila beras SST banyak di pasaran, taktik menukar kampit beras tempatan kepada import dapat dihentikan secara berperingkat kerana orang ramai mudah untuk per-

oleh bekalan beras tempatan.

"Langkah tersebut bukan saja dapat menjamin bekalan beras tempatan di pasaran malah akan menstabilkan harganya bagi mengelakkan ia dimanipulasi.

"Setakat ini, difahamkan, kerajaan akan mengambil 20 peratus beras yang sudah diproses daripada kilang dengan harga RM2,250 bagi setiap tan dan dihantar kepada pemborong untuk dibungkus dan dihantar ke peruncit.

"Berdasarkan kadar tersebut, ia masih boleh menepati harga kawalan beras tempatan iaitu RM26 bagi setiap 10 kilogram," katanya.

Minggu lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengumumkan akan melaksanakan langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan di pasaran sebanyak 20 peratus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Gusar harga beras import naik, beras tempatan kurang

KUALA TERENGGANU: Kenaikan harga beras import di pasaran dan kekurangan bekalan beras tempatan menggusarkan golongan pengguna dan peniaga di negeri ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar bandar ini mendapati, harga beras import beg lima kilogram (kg) naik sehingga RM25.90 manakala bagi pek 10kg bermula RM38.90 sehingga mencecah RM47.90.

Memburukkan lagi keadaan apabila bekalan beras tempatan didakwa terputus sejak Mac lalu dengan stok terakhir diterima sebahagian besar peniaga sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri lalu.

Seorang pengusaha kedai makan, Mohd. Kamal Embong, 43, berkata, situasi itu dibimbangi bakal memberi kesan domino kepada harga makanan ekoran kenaikan harga beras.

Katanya, buat masa ini dia masih mampu bertahan dengan harga lama namun tidak menolak kemungkinan terpaksa menaikkan harga makanan disebabkan ketiadaan bekalan beras tempatan.

"Stok beras lama masih ada



SEBAHAGIAN daripada bekalan beras import yang dijual di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu, semalam.

lagi sebab itu belum terfikir untuk naikan harga makanan cuma saya bimbang apabila bekalan beras akan datang mungkin harga daripada pemborong sudah lain.

"Beberapa hari lalu pemborong dan pembekal ada memaklumkan bekalan beras tempatan sudah lama tidak masuk, hanya ada beras import yang sudah naik harganya," katanya.

Sementara itu, seorang suri

rumah yang mahu dikenali sebagai Hashimah, 49, mendakwa, harga beras import 10kg naik lebih RM6 daripada RM27 atau RM28 sebelum ini kepada RM33.90.

Katanya, isu kenaikan harga beras import dan kekurangan bekalan beras tempatan meletakkan banyak keluarga terutama golongan berpendapatan rendah semakin tertekan.

"Bagi yang memiliki isi ru-

mah ramai, beras 10kg hanya bertahan sehingga dua atau tiga minggu. Dengan kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan, kami tiada pilihan selain beras import.

"Diharap kerajaan mengambil langkah segera membantu mengenal pasti punca dan menyelesaikan masalah bekalan serta harga beras yang sememangnya makanan ruji harian," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Sukarnya cari beras tempatan di Johor Bahru - Pengguna

JOHOR BAHRU: Pengguna terus mengeluh apabila sukar untuk mendapatkan bekalan beras Super Special Tempatan (SST) terutamanya di kedai-kedai runcit.

Seorang pengguna yang hanya mahu dikenali sebagai Miss Thaman, 66, berkata, bukan sahaja berlaku masalah kekurangan bekalan, bahkan kini berdepan dengan ketiadaan stok di kedai-kedai runcit.

Katanya, lima kedai runcit yang dikunjungi di kawasan perumahannya langsung tidak mempunyai bekalan beras tempatan.

"Memang susah hendak jumpa beras tempatan. Naik penat bila terpaksa pergi dari sebuah kedai ke kedai lain, namun langsung tiada stok.

"Akhirnya terpaksa beli beras import. Tambahan pula saya memang pakai beras setiap hari kerana berniaga nasi ambeng dan nasi lemak, mahu tidak mahu terpaksa beli juga walaupun mahal," katanya.

Ngtini Karchin, 50, pula mengakui terpaksa membeli beras import walaupun terpaksa membayar lebih mahal.

"Beras import pula sekarang harga naik sehingga RM5 lebih. Bila cari beras tempatan memang susah hendak jumpa. Hendak buat macam mana beras makanan harian dan terpaksa juga beli beras import walaupun mahal," katanya.

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya juga mendapati bekalan beras tempatan amat sukar dijumpai.

Sebaliknya, yang ada hanya lambakan beras import yang kini berlaku kenaikan harga daripada RM31 menjadi RM36.50 bagi sekampit beras seberat 10 kilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

90% beras import kuasai pasaran, beras tempatan sekadar isi rak

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

ARAU: Beras import menguasai lebih 90 peratus di pasar raya dan kedai-kedai runcit sekitar negeri ini berbanding beras tempatan yang sekadar melengkap rak-rak makanan ruji itu.

Daripada lima jenis jenama beras merangkumi berat lima dan 10 kilogram di pasar raya di sini, dapat dilihat hanya satu atau dua jenis jenama beras tempatan malah di sesetengah kedai runcit pula, semua jenis beras import.

Situasi tersebut menimbulkan persoalan mengenai masalah kekurangan bekalan beras tempatan sejak kebelakangan ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar raya dan kedai runcit sekitar negeri mendapati, rak-rak dipenuhi beras super import dan sebenarnya ia bukanlah perkara baharu kerana sudah berlarutan sekian lama.



KEBANYAKAN pasar raya dan kedai runcit dipenuhi beras import berbanding tempatan di sekitar Perlis.
- UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Bagi pengguna dan peniaga khususnya, mereka tidak ada pilihan terpaksa memberi beras import meskipun harga lebih tinggi berbanding beras tempatan iaitu RM26 bagi 10 kilogram berbanding import antara RM30 sehingga RM32 bagi berat sama. Seorang pemilik kedai run-

cit di sini yang enggan dikenali berkata, sejak seminggu lalu bekalan beras tempatan sudah tidak ada di premisnya dengan bekalan semuanya beras import.

Katanya, jika ada sebelum ini, hanya beras tempatan bagi kimpit lima kilogram.

"Beberapa hari lalu, bekalan beras tempatan tidak lagi dihantar ke kedai, tidak pasti disebabkan apa. Sebenarnya kebanyakan kedai atau pasar raya banyak beras import.

"Ia bukan perkara baharu memandangkan sebelum ini beras import yang menguasai

pasaran di kedai-kedai," katanya.

Seorang pengguna, Fazilah Kassim, 32, berkata, lazimnya dia membeli beras tempatan kerana harganya lebih murah.

Katanya, disebabkan sesetengah kedai tidak ada bekalan beras tempatan, dia terpaksa membeli beras import yang harga sedikit lebih tinggi.

"Namun, sejak ada jualan Rahmah yang harganya lebih murah, kami sekeluarga akan ke lokasi-lokasi jualan berkenaan setiap minggu," kata suri rumah ini.

Seorang lagi peniaga, Hazrol Hafiz Hashim, 39, berkata, setiap hari dia menggunakan 30 kilogram beras bagi menyediakan nasi lemak dan beberapa lagi hidangan lain.

"Kerana bekalan beras tempatan berkurangan, saya terpaksa membeli beras import yang harganya sedikit lebih tinggi. Harga beras tempatan boleh dikawal berbanding import tidak terkawal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Beras super tempatan licin

KOTA BHARU: Bekalan beras super tempatan di beberapa kawasan di negeri ini kehabisan stok sejak beberapa hari lalu ekoran permintaan tinggi dalam kalangan orang ramai berikutan kenaikan harga beras import.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar raya dan kedai runcit di sekitar daerah ini mendapati, kebanyakan premis perniagaan itu hanya mempunyai stok beras import.

Seorang pekerja sebuah pasar raya yang enggan dikenali berkata, stok bekalan beras super tempatan habis sejak beberapa hari lalu.

"Setakat ini saya tidak tahu bila stok beras super tempatan akan sampai. Sebagai alternatif pengguna boleh mendapatkan beras super import," katanya di sini semalam.

Di Gua Musang, pengguna mengakui mereka berdepan kesukaran mendapatkan beras tempatan.

Seorang pengguna, Hamiza Ahmad, 37, berkata, sejak minggu lalu dia menyedari bekalan beras tempatan berkurangan.

Katanya, kebanyakan pasar



SEORANG pengunjung melihat bekalan beras tempatan yang habis di sebuah pasar raya di Gua Musang, Kelantan semalam. - UTUSAN/ AIMUNI TUAN LAH

raya pula hanya menjual beras import melibatkan kimpit lima kilogram (kg) dan 10 kg.

"Harga beras import yang dijual di pasar raya yang saya kunjungi antara RM15.50 hingga RM21.99 bagi lima kilogram.

"Harga berkenaan mahal kerana keluarga saya dalam

golongan B40. Kami berharap kerajaan dapat membantu menambah stok bekalan beras tempatan dengan harga berpatutan," katanya.

Sementara itu, Muhammad Yunus, 50, berkata, ketiadaan bekalan itu menyulitkan beliau dan keluarganya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Hanya ada beras tempatan 5 kilogram

ALOR SETAR: Bekalan beras tempatan sukar didapati di kebanyakan pasar raya dan kedai runcit di bandar raya ini berbanding beras import yang memenuhi rak jualan di premis masing-masing.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, hanya sebilangan premis yang masih menawarkan stok bekalan beras tempatan bagi kimpit lima kilogram (kg) manakala tiada langsung stok untuk kimpit 10kg.

Difahamkan, beras 5kg tempatan itu juga adalah stok lama yang dihantar pembekal sebelum ini dan belum ditambah sejak hampir sebulan lalu.

Di sebuah pasar raya contohnya, hanya tinggal tanda harga RM25.90 bagi satu jena-ma beras tempatan 10kg tetapi bekalan itu tiada pada rak jualan seperti beras import lain yang berharga RM30 ke atas.

Seorang pekerja berkata, mereka terpaksa menambah bilangan stok beras import untuk dipamerkan di rak jualan

bagi mengelak ia kelihatan kosong akibat tiada beras tempatan yang dijual buat masa ini.

“Ramai pelanggan mencari beras tempatan kerana harganya lebih murah berbanding beras import. Tetapi mereka pulang hampa kerana tiada beras tempatan terutamanya yang 10kg,” katanya yang enggan dikenali.

Sementara itu, seorang peniaga, Abu Bakar Shaari, 57, berkata, dia sudah lama tidak dibekalkan beras tempatan untuk dijual.

“Masih ada beberapa kimpit beras tempatan 5kg di sini, tetapi ramai yang mencari beras 10kg untuk digunakan seisi rumah kerana ia lebih berbaloi,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya menerima ribuan aduan berkaitan beras terutama ketiadaan bekalan beras tempatan sejak tiga bulan lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	

Langkah tampung kekurangan beras, kerajaan jamin harga tidak naik

Pengilang diarah serah 20% padi kepada Bernas

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
dan **ASYRAF MUHAMMAD**
utusan.news@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Semua pengilang tempatan diarah menyeraikan 20 peratus kuota padi masing-masing kepada Padiberas Nasional Bhd (Bernas) bagi menampung kekurangan bekalan beras tempatan di beberapa negeri.

Perkara itu diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu selepas program dialog bersama pemain industri beras di Serdang semalam.

Menurut beliau, pihaknya mengakui berlaku kekurangan bekalan beras tempatan ketika ini dan kementerian sedang melakukan beberapa langkah untuk mengatasinya.

Kata beliau, pihaknya sebelum ini telah melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah tersebut.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DLM NEGERI	2

Pengilang diarah serah 20% padi kepada Bernas

Dari muka 1

“Pengilang-pengilang padi telah diminta menyerahkan 20 peratus kuota padi untuk diproses oleh Bernas bagi menghasilkan beras putih tempatan. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga diarahkan membantu memasarkan 20 peratus kuota beras ke lokasi-lokasi kekurangan bekalan beras putih tempatan.

“Pihak kementerian menyasarkan situasi kekurangan itu dapat diatasi dengan kadar yang segera,” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Terdahulu Mohamad menyertai Program Dialog Belanjawan 2024, Subsektor Padi dan Beras Negara di Ibu Pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Menurut Mohamad, dialog itu adalah langkah kementerian mencari penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menyelamatkan industri padi dan beras negara.

“Sebelum ini India menyekat eksport ke atas semua jenis beras bukan basmati dari negara itu dan secara tidak langsung mengakibatkan beras putih import mendadak.

“Pemanasan global atau El Nino yang melanda seluruh dunia turut menyumbang kepada penurunan pengeluaran beras di negara-negara pengeksporth beras,” katanya.

Bagaimanapun, Mohamad sekali lagi menegaskan kementerianya memberi jami-



Yang pentingnya harga beras tempatan kekal dengan RM26 sekampit ataupun RM2.60 sekilo, harga beras import pula masih terkawal.”

MOHAMAD SABU

nan harga beras tempatan dan bekalan masih terkawal.

Menurut beliau, masyarakat tidak perlu bimbang kerana pihaknya akan memastikan bekalan beras mencukupi.

“Yang pentingnya harga beras tempatan kekal dengan RM26 sekampit ataupun RM2.60 sekilo, harga beras import pula masih terkawal. Insya-Allah terkawal dan mencukupi,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkata, berkuat kuasa semalam, individu dan peniaga hanya dibenarkan membeli maksimum 100 kilogram beras putih tempatan (BPT) bagi mengatasi gangguan bekalan didakwa berlaku.

Di Perlis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang me-

lakukan pemeriksaan Op Jamin mendapati tiada stok bekalan beras tempatan di negeri itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup negeri, Norazah Jaapar berkata, menerusi operasi tersebut pihaknya mendapati hanya bekalan beras import dipasarkan kepada pengguna di Perlis ketika ini.

“Ada sebilangan premis atau kedai runcit mempunyai bekalan beras tempatan namun ia adalah stok lama,” katanya.

Menurut beliau, KPDN sentiasa memantau bagi mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang dikenal pasti menukar label atau bungkusan pada beras tempatan.

“Tindakan undang-undang akan diambil tanpa prejudis ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihwal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama di bawah Akta Perihwal Dagangan 2011 [Akta 730],” katanya.

Beliau berkata, bagi individu perseorangan, tindakan denda boleh dikenakan sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali atas kesalahan berkenaan.

Katanya, tindakan denda sehingga RM250,000 juga boleh dikenakan kepada mana-mana syarikat yang membuat perihwal dagangan palsu tersebut.

“Setakat ini KPDN tidak menerima kes penukaran label atau bungkusan beras tempatan di negeri ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Pengusaha kedai makan mungkin naikkan harga

PRESMA mahu kerajaan sediakan penyelesaian jangka panjang

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penetapan had pembelian maksimum 100 kilogram (kg) beras putih tempatan berkemungkinan mendorong pengusaha kedai makan menaikkan harga jualan makanan.

Ia berikutan mereka mungkin perlu beralih kepada beras import yang lebih mahal dan kenaikan harga jualan dilihat sebagai langkah menampung peningkatan kos bahan mentah.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRE-SMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, berkata sejak kekurangan bekalan beras putih tempatan dalam pasaran domestik berikutan penyusutan jumlah penghasilan padi negara, ahlinya beralih membeli beras import sebagai alternatif.

Walaupun menggunakan beras



import, katanya, harga makanan berasaskan nasi di premis makanan ahlinya tidak dinaikkan setakat ini.

"Buat masa ini harga nasi masih sama, tetapi berapa lama kita boleh bertahan untuk tampung kesan kenaikan harga bahan mentah? Masalah ini memerlukan penyelesaian jangka panjang.

"Kami harap akan ada langkah penyelesaian daripada pihak kerajaan. Paling tidak, ada pendekatan menang-menang antara kerajaan dan peniaga seperti kami," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas arahan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang menetapkan had pembelian maksimum 100kg beras putih tempatan bagi setiap individu atau syarikat berkuat kuasa semalam.

Penetapan dibuat mengikut Pe-

raturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 itu sebahagian daripada usaha kementerian untuk mengatasi gangguan bekalan beras terbahit di pasaran.

Ketua Pengarah Kawal Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, dilaporkan berkata, keputusan itu mengambil kira gangguan bekalan beras putih tempatan yang dikenal pasti berpunca daripada pembelian secara pukal, terutama dalam kalangan peniaga.

Peraturan susahkan pengusaha

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengusaha Tomyam (PERTOM) Terengganu, Zainal Yusof, berkata pihaknya tidak dimaklumkan mengenai penetapan peraturan baharu itu dan hanya mengetahuinya menerusi laporan BH, semalam.

Mengakui kurang jelas dengan peraturan baharu berkenaan, beliau berkata, keadaan itu pasti menyusahkan pengusaha kedai makan yang menjadi rutin membeli beras dalam kuantiti besar melebihi 100kg.

"Ada pengusaha kedai makan guna beras import dan ada masih menggunakan beras putih tempatan yang harga lebih murah.

"Bila ada had pembelian seperti ini, ia akan menyusahkan pengusaha kedai makan yang banyak bergantung kepada beras berkenaan sehingga mungkin terpaksa beralih kepada beras import.

"Harga beras import jika dibandingkan dengan harga beras tempatan memang jauh lebih mahal. Jika ada pengusaha kedai makan yang beralih kepada beras import, kesannya mereka terpaksa menaikkan harga makanan," katanya.

Kami harap akan ada langkah penyelesaian daripada pihak kerajaan. Paling tidak, ada pendekatan menang-menang antara kerajaan dan peniaga seperti kami

Jawahar Ali Taib Khan, Presiden PRESMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

'Beri bukti jika bungkusuan beras ditukar'

Serdang: Pihak yang mendakwa bungkusuan beras putih tempatan ditukar kepada kampil beras import diminta mengemukakan bukti sahih supaya tindakan boleh diambil.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat sedemikian wajar tampil membuat aduan secara rasmi kepada pihaknya.

"Kalau ada maklumat, sila bawa bukti dan buat aduan rasmi," katanya pada sidang media selepas Dialog Belanjawan 2024 Bagi Sektor Padi dan Beras bersama pemain industri serta pihak berkepentingan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini, semalam.

Yang hadir sama Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood.

Sebelum ini, Mohamad dilaporkan berkata, pihaknya mengesyaki wujud tindakan memanipulasi bekalan beras putih tempatan dengan menukar bungkusannya kepada kampil beras import.

Tindakan itu dipercayai di-

lakukan segelintir pihak tidak bertanggungjawab demi meraih keuntungan mudah.

Perbuatan hanya syak

Diminta mengulas kenyataan ketika beliau mengesyaki berlaku kegiatan tukar bungkusuan beras putih tempatan kepada kampil beras import, Mohamad berkata, ia lebih kepada pemerhatian awal Kementerian.

"Itu syak. Saya boleh syak anda ada jumpa orang sekejap lagi, saya syak. Kalau syak tak boleh pakailah," katanya.

Mengenai inti pati dialog hari ini (semalam), Mohamad berkata, banyak isu berkaitan padi dan beras dibangkitkan untuk membantu penggiat sektor berkenaan mengeluarkan output lebih baik pada masa akan datang.

Katanya, antara yang disentuh ialah soal subsidi, pengairan kurang sempurna, kawalan harga racun dan baja.

"Saya melihat sendiri suasana dialog yang turut dihadiri pegawai tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Kewangan (MoF)



Mohamad melawat pameran selepas Dialog Belanjawan 2024 Bagi Sektor Padi dan Beras bersama pemain industri serta pihak berkepentingan di MARDI, Serdang, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

yang dijemput mendengar; terutama isu beras serta padi dan keterjaminan makanan negara.

"Libat urus Dialog Belanjawan

2024 ini diadakan untuk mendapatkan maklumat daripada mereka yang terbabit secara langsung dalam industri padi dan beras," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Ops Jamin tak kesan kegiatan seperti didakwa

Serdang: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tidak mengesan kegiatan menukar bungkusan beras putih tempatan kepada kampil beras import seperti didakwa setakat ini.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, berkata ia berdasarkan operasi di lapangan menerusi 900 pemeriksaan yang dijalankan di bawah Ops Jamin seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau menjelaskan dakwaan itu tidak berasas dan sedia mengambil tindakan atas kapasiti mengganggu tugas penjawat awam sekiranya tuduhan itu tidak betul.

"Itu andaian (tukar bungkusan beras putih tempatan kepada kampil beras import) orang ramai yang mendakwa perkara itu berlaku. Sebenarnya tiada aduan rasmi daripada mana mana pihak.

"Orang itu (yang melemparkan dakwaan) tidak membuat aduan rasmi seperti kilang mana dan lokasi ia berlaku.

"Kalau tidak berlaku (seperti didakwa), saya akan ambil tindakan undang-undang pada yang buat dakwaan itu, di bawah Peraturan Seksyen 20 iaitu mengganggu penjawat awam menjalankan tugas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Dialog Belanjawan 2024 Bagi Sektor Padi dan Beras bersama pemain industri serta pihak berkepentingan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini, semalam.

Tanpa menyatakan secara terperinci identitinya, Azman berkata, pihak yang melemparkan dakwaan itu pernah dibantu kerajaan dan dikatakan pernah berhutang dengan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS).

"Mereka yang bercakap ini adalah wakil kilang yang sudah 10 tahun tidak wujud. Mereka keluarkan komen tukar kampil (beras) ini dan adalah antara yang berhutang dengan BERNAS, yang kita selesaikan.

"Mereka tidak ada pengaliman, sudah 10 tahun tiada kilang dan sekarang sebutir beras pun mereka tidak proses.

"Sepatutnya dia membantu kerajaan supaya tidak merugikan dan meresahkan rakyat," katanya.

Menyentuh punca berlaku kekurangan bekalan beras putih tempatan dalam pasaran, Azman menjelaskan ia disebabkan pembelian dalam kuantiti yang banyak dalam satu masa.

Katanya, ia antara sebab beliau mengumumkan penetapan had maksimum 100 kilogram (kg) beras putih tempatan bermula hari ini bagi seorang pembeli, sehingga keadaan reda.

